



Peraduan “RAYA FIZZ” Daily Fresh

Terma & Syarat

1. Penganjur & Kelayakan

1.1 Peraduan “Raya Fizz” (“Peraduan”) ini dianjurkan oleh Daily Fresh International Sdn. Bhd (“Penganjur”) dan Spritzer (“Rakan Kerjasama”).

1.2 Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia yang menetap di Malaysia kecuali yang dinyatakan dalam perenggan 1.3 di bawah. Untuk peserta yang berumur di bawah 18 tahun, kebenaran daripada penjaga sah mereka mesti diperolehi (“Peserta Peraduan yang Layak”).

1.3 Kumpulan berikut tidak layak menyertai Peraduan ini:

- a) Kakitangan Penganjur (termasuk syarikat sekutu dan/atau syarikat berkaitan) serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk pasangan); dan/atau
- b) Wakil, pekerja, pelayan dan/atau ejen penyedia perkhidmatan pengiklanan dan/atau promosi Penganjur (termasuk syarikat sekutu dan/atau syarikat berkaitan), serta ahli keluarga terdekat mereka (anak, ibu bapa, adik-beradik, termasuk pasangan).

2. Tempoh Peraduan

2.1 Peraduan bermula dari **1 Mac 2025 jam 10:00 pagi hingga 30 April 2025 jam 11:59 malam** (“Tempoh Peraduan”). Penganjur berhak untuk mengubah Tempoh Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis awal kepada mana-mana pihak. Melainkan dinyatakan sebaliknya oleh Penganjur, sebarang penyertaan dalam Peraduan akan tertakluk kepada Terma dan Syarat yang dinyatakan di sini dan akan kekal berkuat kuasa pada setiap masa. Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Peraduan akan dibatalkan secara automatik.

3. Cara Penyertaan

3.1 Untuk menyertai, Peserta Peraduan yang Layak mesti mematuhi langkah-langkah berikut sepanjang Tempoh Peraduan:

1. Membeli 'Fizzy Berri-nade' di mana-mana cawangan DailyFresh.
2. Imbas kod QR Gachapon yang disediakan dan lengkapkan butiran anda (satu penyertaan bagi setiap nombor telefon).
3. Putar Gachapon dan cabut hadiah.
4. Semak dan simpan paparan hadiah dengan mengambil tangkapan skrin.

3.2 Sebarang cubaan untuk memanipulasi mekanik permainan atau menggunakan kaedah penipuan, termasuk tetapi tidak terhad kepada penyerahan resit berulang, tidak sah atau telah diubah suai, akan mengakibatkan pembatalan penyertaan serta-merta.

3.3 Setiap peserta hanya dibenarkan **satu (1) cabutan sehari menggunakan satu (1) nombor telefon**.

3.4 Hadiah akan dihantar hanya selepas pengesahan nama peserta, nombor telefon, alamat penghantaran, slip pembayaran (jika berkenaan), dan tarikh cabutan berjaya dilakukan.

4. Peraduan dan Hadiah

4.1 Peraduan akan diadakan setiap minggu dengan hadiah yang disenaraikan dalam perenggan 4.2.

4.2 Hadiah peraduan terdiri daripada:

- **Beg tote barangan DailyFresh x Spritzer ESG yang direka oleh artis tempatan Malaysia.**
- **Baucar promosi dari Daily Fresh dan Spritzer.**
- **Baucar promosi barangan Daily Fresh x Spritzer.**

Tempoh Peraduan:

1 Mac 2025 jam 10:00 pagi - 30 April 2025 jam 11:59 malam.

4.3 Semua penyertaan mesti dihantar melalui laman Gachapon yang boleh diakses melalui kod QR yang disediakan. Peraduan akan diumumkan di akaun Facebook dan Instagram Daily Fresh Malaysia.

4.4 Setiap pemenang hanya berhak menerima **satu (1) baucar promosi barangan sahaja**, tidak termasuk baucar promosi.

4.5 Hadiah barangan akan dihantar dalam tempoh **dua (2) bulan** selepas kempen berakhir.

4.6 Baucar tunai digital Spritzer sah untuk penebusan secara eksklusif di **shop.spritzer.com.my**. Untuk menebus baucar, masukkan kod baucar secara manual di halaman pembayaran dengan memilih pilihan "Enter".

- 4.7** Pemenang hadiah diwajibkan untuk menghubungi Daily Fresh melalui **WhatsApp (017-525 2826)** dengan slip pembayaran (jika berkenaan) dan butiran alamat penghantaran yang sah dan tepat dalam **tempoh 14 hari** dari tarikh kemenangan. Kegagalan untuk berbuat demikian akan mengakibatkan pembatalan hadiah.
- 4.8** Baucar tunai digital sah di semua cawangan Daily Fresh yang mengambil bahagian, kecuali di Lapangan Terbang Pulau Pinang dan Genting Highlands.
- 4.9** Baucar tunai digital mesti ditunjukkan semasa pembelian untuk penebusan dan boleh digunakan serta-merta atau untuk pembelian seterusnya.
- 4.10** Setiap transaksi dihadkan kepada penggunaan **satu (1) baucar sahaja**. Pemecahan transaksi untuk menebus berbilang baucar adalah dilarang sama sekali.
- 4.11** Baucar promosi Spritzer sah sehingga **7 Mei 2025**. Baucar yang telah tamat tempoh tidak akan diterima.
- 4.12** Baucar promosi Daily Fresh sah sehingga **31 Mei 2025**. Baucar yang telah tamat tempoh tidak akan diterima.
- 4.13** Baucar promosi barangan Daily Fresh x Spritzer sah sehingga **30 April 2025**. Baucar yang telah tamat tempoh tidak akan diterima.
- 4.14** Hadiah/baucar hanya sah dalam tempoh penebusan yang ditetapkan dan mesti digunakan sebelum tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada baucar. Tiada lanjutan atau penggantian akan diberikan.
- 4.15** Hadiah/baucar **tidak boleh dipindah milik, ditukar, atau ditebus** dalam bentuk wang tunai kecuali dinyatakan sebaliknya.
- 4.16** Penganjur berhak untuk menganugerahkan hadiah yang mungkin berbeza dari segi warna, reka bentuk, atau model daripada yang dipaparkan dalam bahan promosi. Peserta tidak berhak untuk memilih atau meminta warna, reka bentuk, atau model tertentu bagi hadiah yang diberikan. Sebarang perubahan adalah tertakluk kepada ketersediaan dan boleh dilakukan tanpa notis awal, dengan memastikan nilai keseluruhan hadiah tidak terjejas. Semua keputusan Penganjur berhubung pemberian hadiah adalah muktamad dan tidak boleh dipertikaikan.
- 4.17** Penganjur berhak untuk menukar hadiah dengan hadiah alternatif yang bernilai setara pada bila-bila masa tanpa notis awal.
- 4.18** Semua penyertaan mesti diterima oleh Penganjur sebelum **30 April 2025, jam 11:59 malam**.

Penyertaan yang diterima selepas tempoh yang ditetapkan akan dibatalkan dan tidak layak untuk dipertimbangkan bagi sebarang hadiah.

4.19 Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang pembayaran yang dikenakan akibat penerimaan hadiah (jika berkenaan).

4.20 Peserta bertanggungjawab untuk membayar penghantaran sebanyak **RM12** bagi beg tote barangan DailyFresh x Spritzer ESG edisi terhad. Daily Fresh tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kegagalan dalam membuat pembayaran, dan kegagalan untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan pembatalan hadiah. Bayaran penghantaran ini adalah muktamad, tidak boleh dikembalikan, dan tidak boleh dipindah milik.

4.21 Sekiranya peserta memilih untuk tidak menerima hadiah, hadiah tersebut akan dibatalkan dan diuruskan oleh Penganjur.

4.22 Semua hadiah diterima atas risiko peserta sepenuhnya dan diberikan oleh Penganjur dan/atau penaja tanpa sebarang jaminan, sama ada tersurat atau tersirat. Peserta, jika diperlukan, dikehendaki menandatangani surat pelepasan dan tanggung rugi dalam format yang ditetapkan oleh Penganjur sebagai syarat penerimaan hadiah.

4.23 Peserta dan/atau pemenang bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang kecederaan, kerosakan, atau tuntutan yang timbul akibat penyertaan mereka dalam Peraduan, penggunaan hadiah, atau proses penubuhan hadiah. Sebarang kos berkaitan, termasuk tetapi tidak terhad kepada pengangkutan, penginapan, perbelanjaan peribadi, atau perbelanjaan lain bagi menyertai Peraduan atau menebus hadiah, adalah tanggungjawab penuh peserta dan pemenang.

4.24 Penganjur berhak sepenuhnya untuk membatalkan penyertaan mana-mana individu yang didapati mengganggu proses penyertaan atau pelaksanaan Peraduan, atau yang bertindak melanggar atau berpotensi melanggar Terma dan Syarat Peraduan.

5. Liabiliti & Tanggungjawab

5.1 Penganjur, syarikat berkaitan, dan ejen-ejenya tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kerugian, kecederaan, atau kerosakan yang timbul akibat penyertaan dalam Peraduan atau penggunaan hadiah.

5.2 Dengan menyertai Peraduan, semua Peserta yang Layak bersetuju untuk mempertahankan, menanggung rugi, dan melepaskan Penganjur daripada sebarang tuntutan atau liabiliti yang timbul berkaitan dengan Peraduan.

6. Hak Penganjur

- 6.1** Semua penyertaan akan menjadi hak milik Penganjur. Dengan menyertai Peraduan, Peserta yang Layak bersetuju bahawa Penganjur berhak untuk menerbitkan nama dan/atau gambar mereka untuk tujuan promosi tanpa sebarang bayaran atau notis awal.
- 6.2** Dengan menyertai Peraduan, setiap Peserta yang Layak dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju sepenuhnya dengan Terma dan Syarat ini. Penganjur berhak untuk mengubah Terma dan Syarat jika perlu tanpa notis awal.
- 6.3** Penganjur berhak untuk mengubah, menggantung, atau membatalkan Peraduan pada bila-bila masa tanpa notis awal sekiranya berlaku gangguan teknikal atau penipuan.
- 6.4** Sebarang syarat dalam Terma dan Syarat yang didapati tidak sah, menyalahi undang-undang, atau tidak boleh dikuatkuasakan akan dianggap terpisah daripada syarat lain dan tidak akan menjejaskan kesahihan atau keberkesanan syarat lain yang tinggal.
- 6.5** Terma dan Syarat ini ditadbir dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Sekiranya terdapat percanggahan antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia, versi Bahasa Inggeris akan diguna pakai sejauh mana percanggahan tersebut wujud.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”)

1. Dengan menyertai Peraduan ini, semua pemenang Peraduan bersetuju untuk membenarkan Penganjur menggunakan data peribadi mereka bagi tujuan pelaksanaan Peraduan serta sebarang acara atau publisiti berkaitan Peraduan dalam apa jua bentuk atau melalui mana-mana media.
2. Semua pemenang mengakui penerimaan Notis PDPA oleh Penganjur seperti berikut:

NOTICE UNDER THE PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010

(NOTIS DI BAWAH AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010)

The Personal Data Protection Act 2010 (hereinafter referred to as the “PDPA”), which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to the DAILY FRESH INTERNATIONAL SDN BHD (hereinafter referred to as “DF”, “our”, “us” or “we”) as a data user. For the purposes of this written notice, the terms “personal data” and “processing” shall have the same meaning as prescribed in the PDPA.

Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (selepas ini disebut sebagai “PDPA”), yang mengawal selia pemprosesan data peribadi untuk tujuan transaksi komersial, adalah terpakai terhadap DAILY FRESH INTERNATIONAL SDN BHD (selepas ini disebut sebagai “DF”, “kami” atau “kita”) sebagai pengguna data. Untuk tujuan Notis ini, terma-terma “data peribadi” dan “pemprosesan” akan mempunyai maksud

seperti yang ditakrifkan di dalam PDPA.

1. This written notice ("Notice") is issued by us and serves to inform you that your personal data is being processed by or on behalf of DF.

Notis bertulis ini ("Notis") bertujuan untuk memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak DF.

2. The personal data processed by us may include your name, national registration identity card number (NRIC no.), contact number, email address and any other details that you have provided or may provide us with in the documents as prescribed in paragraph 4 of this Notice or otherwise as well as all other details relating thereto.

Data peribadi yang diproses oleh kami termasuk nama, nombor kad pengenalan, nombor telefon, alamat e-mel dan sebarang butiran-butiran lain anda, yang diberikan oleh anda dalam dokumen-dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 4 Notis ini atau sebaliknya termasuklah sebarang butiran-butiran lain yang berkaitan dengannya.

3. We are processing your personal data, including any additional information you may subsequently provide, for the following purposes ("Purposes"):

- (a) running the above Contest;
 - (b) announcing or publicizing the Contest and/or winners of the Contestor
- such other purposes as may be related to the foregoing.

Kami sedang memproses data peribadi anda, termasuklah sebarang maklumat tambahan yang anda mungkin berikan kemudian, untuk tujuan-tujuan berikut ("Tujuan-Tujuan"):

- (a) mengendalikan Peraduan di atas;
- (b) mengumumkan atau menghebahkan Peraduan tersebut atau pemenang Peraduan tersebut; atau bagi tujuan-tujuan lain yang mungkin berkaitan dengan perkara-perkara yang dinyatakan di atas.

4. Your personal data is and will be collected from you and/or from the information you have provided in the documentation that you have provided to us, all application/registration forms that you have been asked to complete, together with any other information that we may obtain about you from oral or written communications.

Data peribadi anda yang diproses oleh kami merangkumi segala maklumat yang terkandung di dalam dokumentasi yang anda berikan kepada kami, semua borang permohonan/pendaftaran yang diminta anda lengkapkan, serta maklumat-maklumat lain tentang diri anda yang kami perolehi dari komunikasi lisan atau bertulis antara kita.

5. You may access and request for the correction of your personal data and to contact us with any

enquiries or complaints in respect of your personal data as follows:

Anda boleh mengakses dan meminta pembedulan data peribadi anda serta menghubungi kami untuk sebarang pertanyaan atau aduan berkaitan data peribadi anda seperti berikut:

Jawatan orang yang boleh dihubungi:	Pengurus Peraduan
Nombor telefon :	07 - 755 1655
Alamat e-mel :	info@dailyfreshfoods.com

6. In accordance with the PDPA, we may refuse to comply with your request for access or correction to your personal data and if we refuse to comply with such request, we will inform you of our refusal and reason for our refusal.

Selaras dengan PDPA, kami mungkin menolak untuk memenuhi permintaan anda bagi akses atau pembedulan data peribadi anda. Jika kami menolak permintaan tersebut, kami akan memaklumkan kepada anda mengenai penolakan itu serta alasan penolakan kami.

7. Your personal data may be disclosed to the subsidiaries or related companies of DF ("Daily Fresh International") and any governmental and/or quasi-governmental departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies if requested by them, our auditors, our banks, business partners and/or service providers and any other third party that you have requested or authorized us to disclose your personal data to for the above purposes or for any other purposes for which your personal data was to be disclosed at the time of its collection or any other purposes directly related to any of the above Purposes.

Data peribadi anda mungkin dizahirkan kepada anak-anak syarikat atau syarikat-syarikat berkaitan di bawah DF ("Daily Fresh International") dan semua jabatan dan/atau agensi kerajaan dan/atau kuasi-kerajaan, badan-badan penguatkuasa dan/atau berkanun jika diminta oleh mereka, juru audit kami, bank-bank kami, rakan-rakan perniagaan dan/atau pembekal-pembekal perkhidmatan dan sebarang pihak ketiga yang lain yang mana anda telah minta atau memberikan kuasa kepada kami untuk menzahirkan data peribadi anda untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di atas atau sebarang tujuan-tujuan yang mana data peribadi anda telah dizahirkan pada masa pengumpulannya atau untuk tujuan lain yang mempunyai hubungan secara langsung dengan mana-mana Tujuan-Tujuan yang dinyatakan di atas.

8. Your personal data may be transferred to a place outside Malaysia.

Data peribadi anda mungkin dihantar ke lokasi-lokasi di luar Malaysia.

9. You are responsible for ensuring that the personal data you provide us is accurate, complete and not misleading and that such personal data is kept up to date.

Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa data peribadi yang anda berikan kepada kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.

10. If you fail to supply us with the above-mentioned personal data, we may not be able to process your personal data for any of the Purposes, and in the case of an application with us; we will not be able to consider your application.

Jika anda gagal untuk memberikan kepada kami data peribadi yang dinyatakan di atas, kami mungkin tidak boleh memproses data peribadi anda untuk sebarang Tujuan-Tujuan Dalam perkara berkaitan dengan permohonan anda dengan kami, kami mungkin tidak dapat untuk mempertimbangkan permohonan anda.

11. In the event of any inconsistencies between the English version and the Bahasa Malaysia version of this notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.

Sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman di antara versi Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia ke atas Notis ini, maka versi Bahasa Inggeris akan digunakan.

12. Without further reference to you, the Organiser may appoint the service of a third-party agency as the Organiser's authorized agent to collect and process all your personal data for the Purposes of the Contest. The Organiser will take all reasonable precautions to safeguard all personal data collected from the Participants and will require the authorized agent or third-party processors collecting your personal data for the Purposes of the Contest to be stored in a secured manner.

Tanpa rujukan lanjut kepada anda, Penganjur boleh melantik perkhidmatan agensi pihak ketiga sebagai wakil yang diberi kuasa oleh Penganjur untuk mengumpul dan memproses semua data peribadi anda bagi Tujuan Pertandingan. Penganjur akan mengambil semua langkah berjaga-jaga yang munasabah untuk melindungi semua data peribadi yang dikumpulkan daripada peserta dan akan memerlukan wakil yang diberi kuasa atau pihak pemproses pihak ketiga yang mengumpul data peribadi anda bagi Tujuan Pertandingan untuk disimpan dengan cara yang selamat.

13. All your personal data collected for the Purposes of the Contest shall be stored for a duration of one (1) year from the closing date of the Contest period (the "Duration") unless there are requirements by other legal provisions. Upon expiry of the Duration your personal data intended to be stored, all your personal data collected for the Purposes of the Contest shall then be destroyed and/or disposed of in accordance with the PDPA.

Semua data peribadi anda yang dikumpulkan bagi Tujuan Pertandingan akan disimpan selama tempoh satu (1) tahun dari tarikh penutupan tempoh Pertandingan ("Tempoh") kecuali terdapat

keperluan oleh peruntukan undang-undang lain. Apabila Tempoh tamat, data peribadi anda yang dijangka disimpan akan dihancurkan dan/atau dibuang mengikut PDPA.